Perancangan Penjagaan Awal

Panduan untuk melengkapkan ACP



aic
agency for integrated care

Pengenalan

Panduan ini bertujuan untuk membantu anda memikirkan tentang perkara-perkara yang penting serta keutamaan anda berkaitan penjagaan kesihatan anda.

Perancangan Penjagaan Awal (ACP) membantu orang tersayang dan pasukan penjagaan kesihatan anda memahami kehendak anda jika anda tidak dapat membuat keputusan atau bercakap untuk diri sendiri. Sila ambil masa yang secukupnya untuk melengkapkan panduan ini mengikut kadar dan keselesaan anda. Tidak ada jawapan yang betul atau salah.

Perhatian: Panduan ini tidak menggantikan dokumen rasmi ACP.

Bahagian A

Renungan

1) Pengalaman dengan penjagaan perubatan 02
2) Perkara-perkara yang anda nikmati dalam hidup 03
3) Sumber sokongan 05
4) Kebimbangan atau kerisauan tentang penyakit anda (jika ada) atau penjagaan perubatan 06
5) Pilihan penjagaan anda
   - Penjagaan perubatan 07
   - Penjagaan dan sokongan harian 09
   - Permintaan lain 13

Bahagian B

Cara melengkapkan dan berkongsi ACP anda

1) Menamakan Jurucakap Penjagaan Kesihatan yang Dilantik (NHS) 15
2) Dua cara untuk melengkapkan ACP anda 17

Bahagian C

Apa yang perlu anda lakukan selepas melengkapkan ACP

1) Tempat menyimpan Perancangan Penjagaan Awal anda 21
2) Merancang lebih awal 22

Bahagian D

Soalan lazim tentang ACP

24

Bahagian A

Renungan

Memahami perkara-perkara yang paling penting bagi anda



1

Pengalaman dengan penjagaan perubatan



Membantu orang lain memahami **perkara-perkara yang penting bagi anda berkenaan penjagaan perubatan.**

Pernahkah anda atau seseorang yang rapat dengan anda mengalami situasi di mana anda memerlukan bantuan perubatan?

Anda boleh memikirkan tentang:

- Apa perasaan anda tentang pengalaman tersebut
- Apa yang anda harapkan atau ingin elakkan dalam penjagaan anda pada masa hadapan



2

Perkara-perkara yang anda nikmati dalam hidup



Membantu menyesuaikan **rawatan yang selaras dengan nilai dan pilihan anda.**

i. Pilih kegiatan yang penting bagi anda. Anda boleh memilih lebih daripada satu kegiatan.

Berdikari dalam kegiatan harian	Bersenam dengan kerap	Menjaga orang tersayang
Meluangkan masa bersama orang tersayang	Menjadi sukarelawan dan membantu orang lain	Amalan kerohanian dan/atau keagamaan
Menikmati hobi	Melancong	Bekerja

Lain-lain (sila nyatakan):



2

Perkara-perkara yang anda nikmati dalam hidup



Kegiatan-kegiatan ini **memberi makna kepada kehidupan anda.**

ii. Mengapakah kegiatan-kegiatan ini penting bagi anda?

Nyatakan matlamat atau keperluan yang dapat dipenuhi melalui aktiviti-aktiviti ini.



3

Sumber sokongan



Mengenal pasti individu dan aktiviti yang **menyokong anda semasa menghadapi waktu yang sukar.**

i. Apa yang membantu anda apabila anda menghadapi cabaran dalam hidup?

Pilih semua yang berkenaan.

- ☐ Sokongan daripada keluarga
- ☐ Sokongan daripada rakan
- ☐ Melibatkan diri dalam kegiatan riadah
- ☐ Kegiatan kerohanian dan/atau keagamaan
- ☐ Lain-lain (sila nyatakan):

_____

_____

ii. Bagaimanakah ia dapat membantu anda?

Sila kongsi tentang bagaimana sumber-sumber sokongan ini membantu anda.

_____

_____

_____

_____

_____

4

Kebimbangan atau kerisauan tentang penyakit anda (jika ada) atau rawatan perubatan



Dengan memahami kerisauan anda, orang lain dapat memberikan **penjagaan dengan cara yang sesuai dan selesa bagi anda.**

Antara perkara-perkara yang tersenarai di bawah, yang manakah memberi kesan besar kepada anda? Anda boleh memilih lebih daripada satu pilihan.

- [ ] **Kesakitan dan ketidakselesaan fizikal**
- [ ] **Kos perbelanjaan perubatan/ Menjadi beban kewangan kepada orang tersayang**
- [ ] **Impak kepada orang tersayang / Menjadi beban emosi kepada orang tersayang**
- [ ] **Kehilangan daya sendiri / Menjadi beban fizikal kepada orang tersayang**
- [ ] **Rasa keseorangan atau terasing**
- [ ] **Lain-lain**

5

Pilihan Penjagaan Anda

Penjagaan perubatan



Tahap rawatan perubatan yang ingin anda terima.

Bayangkan situasi di mana penyakit atau kecederaan anda tidak dapat dipulihkan dan anda tidak dapat sembuh dan kembali membuat keputusan untuk diri sendiri. Anda tidak akan tahu siapa diri anda, siapa di sekeliling anda atau di mana anda berada.

Dalam situasi sebegini, apakah jenis rawatan perubatan yang anda inginkan?

☐ **Penjagaan yang fokus pada keselesaan**

- Elakkan peranti perubatan dan kemasukan ke hospital jika boleh.
- Fokus pada keselesaan (cara saya menjalani hidup saya) dan bukan memanjangkan hayat (berapa lama saya hidup).
- Memastikan makanan, air dan langkah penjagaan keselesaan yang mencukupi (contohnya melegakan kesakitan atau simptom dengan memberi ubat untuk membantu pernafasan).



Mengapakah anda memilih penjagaan yang fokus pada keselesaan?

Apakah prosedur yang ingin anda elak?



5

Pilihan Penjagaan Anda

Penjagaan perubatan

☐ **Semua rawatan yang diperlukan untuk mengekalkan hayat**

- Teruskan semua rawatan (contohnya sokongan hayat jangka panjang seperti mesin sokongan pernafasan/pemasukan tiub ke dalam saluran pernafasan) yang menyokong fungsi-fungsi penting walaupun ia mungkin tidak selesa, sehingga ke tahap di mana rawatan itu tidak lagi mampu membawa kesan positif.

Mengapa anda memilih untuk meneruskan rawatan yang diperlukan untuk mengekalkan hayat?

Apakah kesan atau hasil yang sukar untuk anda terima?



☐ **Saya masih belum boleh membuat keputusan buat masa ini kerana**

Nota: *Pilihan anda dapat membantu pasukan penjagaan kesihatan anda dan orang-orang tersayang membuat keputusan yang terbaik bagi pihak anda. Doktor akan bergantung kepada pertimbangan mereka dalam menentukan penjagaan yang terbaik untuk anda dan mungkin tidak dapat mengikut kehendak anda sekiranya ia bertentangan dengan apa yang terbaik bagi anda pada masa itu.*

5

Pilihan Penjagaan Anda

Penjagaan dan sokongan harian

Ini merupakan contoh pilihan penjagaan dalam masyarakat yang merangkumi sokongan di rumah serta persekitaran penjagaan khusus.

Dengan memahami pilihan penjagaan yang sedia ada, anda boleh memikirkan tentang tempat di mana anda ingin menerima penjagaan pada masa hadapan.

Anda tidak perlu mengingati semua yang tertera di halaman 9 - 10. Anda cuma perlu fokus pada pilihan yang paling relevan bagi anda.



1

Rumah

Penjagaan disediakan di rumah anda sendiri agar anda boleh berada di dalam persekitaran yang biasa dan selesa.

Contoh termasuk:

- Bantuan dengan kegiatan harian dan penjagaan diri
- Makanan dihantar ke rumah anda
- Lawatan perubatan dan preskripsi
- Penjagaan kejururawatan di rumah
- Khidmat jagaan gantian sementara untuk menyokong penjaga
- Terapi dan pemulihan di rumah

2

Pusat

Penjagaan dan sokongan yang diberikan di pusat jagaan masyarakat atau pusat jagaan harian.

Contoh termasuk:

- Program sokongan kognitif
- Jagaan harian dan penyeliaan
- Jagaan harian hospis dan sokongan paliatif
- Jagaan kejururawatan dalam masyarakat
- Kegiatan sosial dan rekreasi
- Terapi dan pemulihan

5


Pilihan Penjagaan Anda

Penjagaan dan sokongan harian

Perkhidmatan Kesihatan Mental

Contoh termasuk:

- Pasukan kesihatan mental masyarakat
- Penjagaan yang disediakan oleh doktor perubatan am atau poliklinik
- Sokongan pemulihan psikiatri



Klinik

Contoh termasuk:

- Penjagaan perubatan dan pergigian pada kadar subsidi
- Penjagaan pencegahan dan pemeriksaan kesihatan awal

Rumah Jagaan atau Hospis

Penjagaan yang diberikan di dalam institusi atau rumah jagaan bagi individu-individu yang mempunyai keperluan penjagaan yang lebih tinggi.

Contoh termasuk:

- Penjagaan pesakit dalam dan sokongan paliatif hospis
- Penjagaan di institusi kediaman jangka panjang
- Penginapan sementara jangka pendek untuk menyokong penjaga

Renungan: Setelah meneliti pilihan-pilihan ini, jenis penjagaan manakah yang sesuai atau selesa bagi anda?

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Perkhidmatan Penjagaan & Sokongan Masyarakat, anda boleh layari https://www.aic.sg/care-services/.

5

Pilihan Penjagaan Anda

Penjagaan dan sokongan harian



Ini dapat membantu orang lain memahami kehendak anda dan **menjaga anda dengan cara yang sesuai dan selesa.**

Pilih bidang jagaan yang penting bagi anda.

Pilih semua yang berkenaan dan nyatakan sebab-sebab ia penting bagi anda.

☐ **Bagaimanakah anda ingin kesakitan anda diuruskan?**
(contohnya melalui ubat, prosedur)

☐ **Bagaimanakah anda ingin menerima sokongan emosi?**
(contohnya meluangkan masa bersendirian, mengehadkan jumlah pelawat, mendengar muzik)

☐ **Bagaimanakah anda ingin penjagaan peribadi anda diuruskan?**
(contohnya mandi, penjagaan mulut, dandanan)

Nota: *Bergantung kepada keadaan kesihatan anda, pasukan penjagaan mungkin tidak dapat memenuhi semua kehendak anda tetapi mereka akan memberi penyesuaian sewajarnya semana yang boleh.*

5

Pilihan Penjagaan Anda

Penjagaan dan sokongan harian

☐ **Bagaimana anda ingin mengekalkan pergerakan atau kekal aktif?**
(contohnya duduk tegak, berjalan, membuat pergerakan perlahan-lahan)

☐ **Adakah terdapat sebarang amalan budaya, agama dan/atau kerohanian yang penting bagi anda?**
(contohnya sembahyang/solat, bacaan, ruang tenang)

☐ **Adakah ada mempunyai apa-apa barang yang membawa keselesaan kepada anda?**
(contohnya selimut, muzik, bantal, stokin)

☐ **Lain-lain (sila nyatakan)**

5

Pilihan Penjagaan Anda

Permintaan lain

Anda boleh menggunakan ruang ini untuk berkongsi tentang:

- Kepercayaan atau nilai peribadi yang mungkin mempengaruhi penjagaan anda
- Orang yang ingin anda libatkan atau tidak libatkan dalam perbincangan tentang penjagaan anda

Jangan sertakan maklumat berikut dalam bahagian ini:

- *Dokumen sah (contohnya Wasiat atau Surat Kuasa Berkekalan)*
- *Butiran kewangan (contohnya aset atau akaun bank)*
- *Kata laluan atau maklumat akaun yang sensitif*



Anda telah melengkapkan bahagian Renungan


Bahagian seterusnya menerangkan cara-cara melengkapkan ACP anda secara rasmi agar hasrat anda dapat dikongsi dan diakses apabila diperlukan.



Bahagian B

Cara melengkapkan dan berkongsi ACP anda

Bahagian seterusnya boleh digunakan sebagai panduan untuk anda melengkapkan ACP secara rasmi, berdasarkan pandangan dan refleksi anda dalam bahagian sebelum ini.



1

Menamakan Jurucakap Penjagaan Kesihatan yang Dilantik (NHS)

NHS anda akan bercakap bagi pihak anda berkenaan pilihan penjagaan kesihatan anda sekiranya anda tidak lagi mampu berbuat demikian. Pasukan penjagaan kesihatan akan berunding dengan NHS anda untuk membuat keputusan penjagaan berdasarkan kehendak anda.

Siapakah yang boleh menjadi NHS anda
- Harus berumur 21 tahun ke atas
- Seseorang yang anda percayai dan berasa selesa bersamanya
- Ahli keluarga, rakan atau sesiapa sahaja yang anda pilih

Sebelum melantik NHS anda
- Bincang dengan mereka tentang pilihan penjagaan anda
- Pastikan mereka faham dan bersetuju untuk menyokong hasrat anda

Sekiranya anda mempunyai Surat Kuasa Berkekalan
- Anda digalakkan untuk melantik orang yang sama sebagai Penerima Kuasa dan NHS anda jika boleh

Anda boleh senaraikan sehingga dua orang yang anda pertimbangkan untuk dilantik sebagai NHS anda.

1. _____

2. _____



Senarai semak untuk memilih NHS anda.

Pilih seseorang yang boleh anda percayai. Tiada pilihan yang "sempurna".

- ☐ Menghormati kehendak anda
- ☐ Boleh kekal tenang di bawah tekanan
- ☐ Boleh mendengar dan memahami pilihan anda
- ☐ Boleh bercakap dengan doktor dan kakitangan penjagaan kesihatan
- ☐ Mudah dihubungi semasa kecemasan

Maklumat yang diperlukan tentang NHS anda

Bergantung kepada cara anda melengkapkan ACP anda, butiran yang berbeza mungkin diperlukan.

	myACP	ACP dengan pemudah cara
Nama penuh (seperti dalam NRIC atau FIN)	✓	✓
Nombor Kad Pengenalan atau FIN	✓ Jemputan SMS dan e-mel akan dihantar kepada NHS anda dengan menggunakan Singpass.	✗
Tarikh lahir	✓ (Untuk mengesahkan umur NHS anda)	✗
Nombor telefon bimbit tempatan	✓	✓
Alamat e-mel	✓	✓
Hubungan dengan anda	✓	✓

2

Dua cara untuk melengkapkan ACP anda

Pilih antara *myACP* atau ACP dengan pemudah cara.



	myACP	ACP dengan pemudah cara
Cara pelaksanaan	Dalam talian, dibuat sendiri melalui platform My Legacy	Sesi berpandu dengan pemudah cara ACP secara bersemuka atau dalam talian
Masa yang diambil	Kira-kira 30 minit Tempoh masa mungkin berbeza, bergantung kepada kesediaan dan kejelasan pemilihan anda	Kira-kira 1.5 jam Tempoh masa mungkin berbeza mengikut keperluan perbincangan dan tahap sokongan yang diperlukan
Cara akses	Bila-bila dan di mana sahaja melalui peranti mudah alih atau komputer	Temu janji diperlukan
Bantuan	Bimbingan dalam talian, lengkapkan mengikut kadar dan tahap keselesaan anda	Pemudah cara akan membimbing perbincangan dan menyemak pemahaman
Pendokumentasian	Pendokumentasian kendiri dan diserahkan secara digital	Pemudah cara akan membantu dengan pendokumentasian dan penyerahan
Kos	Percuma	Mungkin dikenakan bayaran bergantung pada penyedia
Paling sesuai untuk	Mereka yang lebih suka untuk melengkapkan borang secara bebas tanpa bergantung pada orang lain	Mereka yang lebih suka untuk berbincang dan mendapatkan sokongan dan panduan



Melengkapkan ACP anda melalui myACP

Anda digalakkan untuk menonton video panduan myACP sebelum mula melengkapkan ACP.

Langkah 1

Tonton video panduan myACP

Ketahui lebih lanjut tentang proses myACP dan apa yang boleh anda jangkakan dalam proses ini.

Langkah 2

Lengkapkan ACP anda dalam talian


Teruskan apabila anda rasa sudah bersedia.

Penting

NHS anda akan menyemak dan menerima pencalonan dalam talian anda melalui My Legacy dengan menggunakan Singpass.

Sekiranya anda lebih suka berbincang secara bersemuka dan memerlukan sokongan atau panduan, anda boleh melengkapkan ACP anda dengan pemudah cara ACP.

Pemudah cara ACP merupakan ahli profesional terlatih dari organisasi masyarakat yang akan membimbing anda menerusi perbualan dan membantu anda melengkapkan ACP. Mereka sedia membantu dan boleh didapati di seluruh Singapura. Anda boleh memilih lokasi yang sesuai bagi anda.



Anda boleh menghubungi mana-mana organisasi di bawah untuk membuat temu janji.

SATA CommHealth
- 6244 6688
- acp@sata.com.sg
- Ang Mo Kio, Bedok, Kallang, Jurong East, Sengkang, Tampines, Toa Payoh, Woodlands

Society of Sheng Hong Welfare Services
- 6239 0936
- acp@shenghong.org.sg
- Hougang, Toa Payoh

Montfort Care
- 9734 0617
- acp@montfortcare.org.sg
- Bedok, Bukit Merah, Marine Parade, Tampines, Outram, Yishun

Home Nursing Foundation
- 6854 5555
- acp@hnf.org.sg
- Hougang, Toa Payoh

Fei Yue Community Services
- 9837 0605
- acp@fycs.org
- Choa Chu Kang, Buangkok, Chinatown

Lions Befrienders Service Association
- 6681 4020
- acp@lb.org.sg
- Clementi, Queenstown

Sunlove Abode for Intellectually Infirmed Ltd
- 8959 7984
- acp@sunlove.org.sg
- Ang Mo Kio, Bedok, Bukit Merah, Geylang, Hougang, Novena, Woodlands

Imbas untuk buat temu janji dengan pemudah cara ACP

Bahagian C

Apa yang perlu anda lakukan selepas melengkapkan ACP

Bahagian ini berkongsi tentang apa yang boleh anda lakukan selepas melengkapkan ACP, termasuk bagaimana untuk memastikan ia mudah diakses dan cara-cara lain untuk membuat perancangan awal.



1

Tempat menyimpan ACP anda

Selepas ACP anda dilengkapkan:

Tersedia untuk pasukan penjagaan kesihatan

ACP anda disimpan dalam Rekod Penjagaan Kesihatan Elektronik Kebangsaan (NEHR) dan boleh diakses oleh pasukan penjagaan kesihatan anda bila diperlukan.

Semak atau kemas kini dalam talian

Anda boleh menyemak, berkongsi atau mengemas kini ACP anda pada bila-bila masa melalui myACP di My Legacy, selagi anda mempunyai keupayaan mental.

Salinan bercetak (jika berkenaan)

Sekiranya ACP anda telah dilengkapkan bersama pemudah cara, anda boleh meminta salinan bercetak daripada mereka.

Simpan salinan peribadi

Anda juga boleh menyimpan salinan ACP anda bersama dokumen penting di rumah seperti rekod perubatan atau rekod peribadi anda.



Anda boleh menyemak dan mengemas kini ACP anda pada bila-bila masa selagi anda mempunyai keupayaan mental.

2

Merancang lebih awal

ACP merupakan sebahagian daripada perancangan awal. Terdapat bentuk perancangan lain yang berguna pada peringkat kehidupan yang berbeza.



Merancang lebih awal semasa anda sihat dan mempunyai keupayaan mental

- Perancangan Penjagaan Awal
- Arahan Perubatan Awal
- Pencalonan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)
- Surat Kuasa Berkekalan
- Perancangan Wasiat



Semasa anda tidak sihat dan kurang keupayaan mental

- Perancangan Penjagaan Awal
- Surat Kuasa Berkekalan



Selepas meninggal dunia

- Pencalonan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)
- Perancangan Wasiat

Perancangan ini tidak berakhir setelah ACP anda dilengkapkan.

Anda digalakkan untuk semak semula ACP anda apabila kehendak anda berubah, selepas berlakunya peristiwa penting dalam hidup atau jika tahap kesihatan anda berubah.

Sumber rujukan untuk membantu anda dalam perancangan legasi anda.



Arahan Perubatan Awal (AMD)

AMD bertujuan untuk memaklumkan doktor yang merawat anda (sekiranya anda jatuh sakit tenat dan tidak sedarkan diri) bahawa anda tidak mahu menerima sebarang rawatan khas/luar biasa yang dapat mengekalkan atau memanjangkan hayat anda.

Ketahui lebih lanjut tentang AMD:

www.moh.gov.sg/seeking-healthcare/advance-medical-directive



Surat Kuasa Berkekalan (LPA)

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) adalah dokumen yang sah di sisi undang-undang yang membolehkan seorang yang berumur 21 tahun ke atas (Pemberi Kuasa) untuk melantik satu atau lebih orang yang dipercayai (Penerima Kuasa) untuk membuat keputusan bagi pihaknya mengenai hal-hal kebajikan, harta benda & urusan penting atau kedua-duanya jika dia hilang kemampuan mental.



Pencalonan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)

- Pencalonan CPF membolehkan anda mengagihkan wang CPF anda mengikut kehendak sendiri selepas anda meninggal dunia. Agihan ini akan dibayar secara tunai.
- Simpanan CPF bukan sebahagian daripada harta pusaka anda dan tidak boleh diagihkan melalui Wasiat. Ini melindungi simpanan CPF anda daripada tuntutan pemiutang.



Perancangan Wasiat

Wasiat merupakan dokumen sah yang membolehkan anda menentukan apa yang akan berlaku ke atas wang, hartanah dan harta benda anda setelah anda meninggal dunia*. Anda boleh menamakan secara khusus individu-individu yang akan menerima aset anda, menjaga tanggungan anda dan melaksanakan Wasiat anda.

**Perlu diingatkan bahawa terdapat pengecualian tertentu dalam hal ini seperti wang CPF anda.*

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang LPA, Pencalonan CPF dan Perancangan Wasiat, anda boleh layari go.gov.sg/mylegacy.

Bahagian D

Soalan lazim tentang ACP

Apakah perbezaan antara ACP, AMD dan LPA?

A

- **ACP:** Dokumen panduan yang membantu orang tersayang dan pasukan penjagaan kesihatan anda memahami pilihan penjagaan anda.
- **AMD:** Dokumen undang-undang tentang rawatan yang mengekalkan hayat dalam situasi perubatan tertentu.
- **LPA:** Dokumen yang sah di sisi undang-undang yang membolehkan anda melantik orang yang dipercayai untuk membuat keputusan bagi pihak anda mengenai hal-hal kebajikan, harta benda & urusan penting atau kedua-duanya jika anda hilang kemampuan mental.

Adakah saya masih memerlukan ACP jika saya sudah mempunyai AMD atau LPA?

A

Ya, anda digalakkan untuk melengkapkan ACP walaupun anda sudah mempunyai AMD dan/atau LPA kerana ia membawa pelbagai manfaat.



Jika saya melengkapkan ACP, adakah ia bermaksud doktor saya tidak akan merawat saya?



A

Tidak, ACP yang lengkap tidak bermaksud doktor tidak akan merawat anda.

Borang ACP membantu pasukan penjagaan membuat keputusan berkenaan penjagaan anda dan tidak boleh diikat atau dikuatkuasakan secara sah. Mengikut Akta Kapasiti Mental (MCA), jika seseorang itu kurang daya, kehendak individu tersebut mengenai penjagaan dan rawatannya akan dipertimbangkan semasa sebarang keputusan dibuat walaupun keputusan muktamad mengenai rawatan baginya terletak pada penyedia penjagaan kesihatan.

Keputusan untuk individu yang hilang upaya seharusnya mengutamakan apa yang terbaik bagi beliau dan mengambil kira nilai, hasrat dan input daripada orang tersayang.

Bagaimana jika saya tidak mempunyai sesiapa yang sesuai untuk menjadi NHS saya?



A

Sekiranya anda telah melantik atau berhasrat untuk melantik Timbalan Profesional sebagai Penerima Kuasa dalam LPA anda, anda boleh melantik orang yang sama sebagai NHS anda. Pastikan mereka bersetuju sebelum anda melantik mereka. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut dan senarai Timbalan Profesional di laman web Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga: www.msf.gov.sg/what-we-do/opg/about-PDD-scheme.

Sebagai alternatif, anda boleh berbincang dengan pemudah cara ACP untuk merekod dan mendaftarkan ACP anda. Mereka boleh membimbing anda dalam membuat keputusan mengenai pilihan penjagaan kesihatan anda.

Sesetengah penyedia perkhidmatan mungkin mengenakan bayaran nominal untuk melaksanakan ACP. Sila hubungi organisasi berkenaan untuk butiran lanjut tentang sebarang bayaran.

Sekiranya anda mempunyai soalan lanjut tentang ACP, sila layari www.aic.sg/acp

The Heart of Care



Klik
www.aic.sg



Hubungi
1800 650 6060



Kunjungi
AIC Link

Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) bertujuan untuk mewujudkan masyarakat penjagaan yang bertenaga supaya orang ramai dapat hidup dengan baik hingga ke usia senja. AIC menyelaras dan menyokong usaha dalam menyepadukan penjagaan untuk mencapai hasil penjagaan terbaik untuk pelanggan kami.

Kami mendekati para penjaga dan warga emas dengan maklumat untuk kekal aktif supaya mereka dapat hidup dengan baik, dan menghubungkan mereka kepada perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka.

Kami menyokong pihak berkepentingan dalam usaha mereka untuk meningkatkan mutu penjagaan dan juga bekerjasama dengan rakan kongsi kesihatan serta penjagaan sosial untuk menyediakan perkhidmatan kepada golongan warga emas. Usaha kami dalam masyarakat adalah untuk membawa perkhidmatan dan maklumat penjagaan lebih dekat kepada mereka yang memerlukannya.

Maklumat ini telah dikemaskini pada bulan Januari 2026.